



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 16 March 1963 > Page 6 > \$1 juta untuk sekolah2 baharu

\$1 juta untuk sekolah2 baharu

Berita Harian, 16 March 1963, Page 6

Article also available on Microfilm Reel NL3201

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

\$1 juta untuk sekolah2 baharu **TUGAS UTAMA MENINGGI TARAF PELAJARAN BAHASA KEBANGSAAN**

KAJANG, Juma'at.

KERAJAAN Negeri Selangor telah menguntokkan wang sa-banyak \$1,127,891 untuk mem-bena sekolah2 di-seluruh daerah Ulu Langat dan Kajang dalam tahun 1963 ini.

Pegawai Pelajaran Negeri Selangor, Tuan B. H. G. Adam, telah menyatakan kepada Berita Harian ba-hawa untuk meninggikan lagi taraf pelajaran bahasa kebangsaan di - sekolah2 Menengah Melayu maka ke-rajaan Negeri Selangor te-lah menguntokkan wang sa-banyak \$548,175 untuk mem-bena sa-buah seko-lah menengah Melayu yang paling modern di-batu 14 Cheras Kajang.

Sekolah ini yang di-jangka akan siap pada bulan November ini, akan mempunyai 15 blek darjah yang boleh memberi pe-la-ajaran kepada sa-ramai 600 orang pelajar. Dua buah

Information



Newspaper:
Berita Harian
Date:
16 March 1963
Reel Number:
NL3201

Share




Table of Contents

< Previous

Page 6

Next >

\$1 juta untuk sekolah2 baharu

\$1 juta untuk sekolah2 baharu TUGAS UTAMA MENINGGI TARAF PELAJARAN BAHASA

Pertandingan tafsir Kur'an utk pelajar


Pertandingan tafsir Kur'an utk pelajar >ORT WELD, Juma'at. JT Persatuan Guru2 Sekolah Uagama Ra'ayat

Sa-moga bahagia aman sentosa

Sa-moga bahagia aman sentosa UPACHARA persandingan antara Inche Sumali bin Samak dengan


KUOR BUKU BAHAYAT VO

View Full Table of Contents




orang pelajar; dan sebuah bilik ma'mal; sa-buah Dewan perjumpaan; sa-buah bilik urusan rumah tangga; sa-buah bilik pertukangan; sa-buah bilik jahit menjahit dan empat buah rumah guru.


Beri peluang



Tuan Adam juga menerangkan bahawa dengan terdiri-nya sekolah menengah Melayu ini dapat-lah kanak2 yang belajar di-sekolah rendah bahasa kebangsaan melanjutkan pelajaran ke-sekolah menengah Melayu yang di-akui sama taraf-nya dengan sekolah menengah Inggeris.



Untuk memberi peluang kepada kanak2 yang rendah umur yang tidak lulus dalam pelajaran menengah Melayu dan juga Inggeris, Kerajaan Negeri Selangor telah membena sa-buah sekolah lanjutan dengan menelan perbelanjaan sa-banyak \$192,716 di-Hill Street Kajang.



Sekolah lanjutan ini mempunyai 15 darjah, boleh memberi pelajaran kepada sa-ramai 600 orang penuntut, dan di-jangka akan siap pada bulan October ini.

Empat sekolah

Sa-buah sekolah rendah Inggeris yang menelan perbelanjaan sa-banyak \$119,000 telah di-bena di-daerah Kajang, untuk mengatasi kekurangan tempat di-dalam sekolah2 rendah Inggeris yang ada sekarang ini.

Sementara itu Jabatan Pelajaran Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan wang sa-banyak \$270,000 untuk membena empat buah sekolah kebangsaan di-daerah ini.



Sekolah itu akan di-bena
di-Sungai Merab Kajang,
Sungai Ramal Kajang,
Sungai Tekali Ulu Langat
dan di-Sungai Lui Ulu
Langat. Pembenaan-nya
di-jangka akan di-mulai
pada bulan April ini.

Related Articles



No related article found.

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29